

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 28 JULAI 2020, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 5

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1432-MQT0877
Dato' Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim [Batang Lupar] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah inisiatif yang telah diambil oleh Kementerian untuk menambahkan bilangan anggota bomba wanita khususnya di kalangan pegawai di dalam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

2. PR-1432-MQT0868
Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah rasional keputusan DBKL untuk penggantungan pengeluaran lesen arak di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan bilakah pengeluaran lesen akan disambung semula.

3. PR-1432-MQT0876
Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tentang pelan Kementerian untuk menangani isu peningkatan kes COVID-19 di Kuching terutamanya di kalangan kluster Sentosa yang melibatkan kakitangan hospital Kerajaan, *'the frontliners'*. Apakah langkah tambahan yang akan diambil Kementerian untuk melindungi dan menjaga kebajikan pekerja-pekerja kesihatan, pesakit dan juga orang awam di persekitaran hospital tersebut dan juga apakah langkah tambahan untuk membendung penularan wabak COVID-19 di Kuching serta membantu peniaga-peniaga yang terjejas akibat pandemik itu.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 28 JULAI 2020, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 11

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1432-L09070
Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang dilakukan oleh pihak Kerajaan dalam menangani isu sindiket warga asing yang mengambil kesempatan meneroka tanah-tanah di pelbagai kawasan yang belum dibangunkan Kerajaan dan pemiliknya dan apakah tindakan yang dikenakan terhadap individu warganegara Malaysia yang menjadi dalang dalam sindiket ini.

2. PR-1432-L09236
Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jenis bantuan Kerajaan kepada institusi dan maahad tahfiz yang terkesan akibat penutupan institusi susulan penularan COVID-19.

3. PR-1432-L08763
Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah usaha pihak Kementerian dalam meningkatkan harga dan pasaran eksport minyak sawit.

4. PR-1432-L09052
Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan prosedur-prosedur yang terlibat dalam sesuatu proses perolehan yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia ketika pandemik COVID-19 ini.

5. PR-1432-L09413

Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan :-

- (a) apakah peranan dimainkan oleh Kementerian dalam membantu usaha pembangunan vaksin COVID-19 di peringkat antarabangsa memandangkan Malaysia tidak mempunyai fasiliti pembuatan vaksin; dan
- (b) sejauh manakah tenaga pakar di Malaysia mencukupi dan mampu untuk memberi sumbangan kepada usaha ini.

6. PR-1432-L09153

Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan kejayaan Kerajaan Malaysia menarik pelabur-pelabur dari China dan Jepun yang membuat keputusan untuk memindahkan (*relocate*) operasi mereka keluar dari negara China akibat perang dagangan antara Amerika-China serta pandemik COVID-19. Berapakah bilangan pelabur ini, di negeri mana mereka ditempatkan, jumlah pelaburan yang terlibat dan berapa peluang pekerjaan yang diwujudkan.

7. PR-1432-L09343

Tuan Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjong Manis] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah klinik kesihatan akan dibina di sebelah selatan Pulau Bruit (Kampung Semop) kerana tiada kemudahan kesihatan yang berdekatan.

8. PR-1432-L08952

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan tindakan Kementerian bagi mengatasi masalah kekurangan rumah kos rendah di mana ramai pekerja berpendapatan rendah di Kuala Lumpur terpaksa menyewa bilik '*partition*' kecil yang dibina di atas kedai. Sehingga ada yang terpaksa berkongsi bilik kecil seramai 5 ke 10 orang.

9. PR-1432-L08753
Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah aduan yang diterima Kerajaan khususnya JAKIM terhadap individu, kumpulan dan NGO (Islam dan bukan Islam) yang menghina Nabi Muhammad SAW dan mencemarkan kesucian agama Islam dan apakah tindakan yang diambil Kerajaan terhadap individu, kumpulan dan NGO berkenaan serta nyatakan langkah Kerajaan bagi menyekat dan membendung individu dan kumpulan berkenaan (sama ada Islam dan bukan Islam) dari terus menghasut dan merendah-rendahkan ajaran Islam dari segi aqidah, ibadah dan syariah Islam (perundangan Islam).

10. PR-1432-L09887
Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah inisiatif Kementerian bagi membantu usahawan kecil dan sederhana termasuk penjaja warganegara yang terjejas akibat Perintah Kawalan Pergerakan.

11. PR-1432-L09696
Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pelan strategik Kerajaan untuk memastikan Kelas Fardhu Ain dan Fardhu Kifayah (KAFA) agar terus relevan dan menjadi instrumen penting dalam memastikan anak-anak mendapat didikan agama yang mencukupi.

12. PR-1432-L09996
Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini pelaksanaan sistem Rekod Kesihatan Elektronik atau *Electronic Medical Records*(EMR) dalam menyimpan maklumat pesakit dan rekod sejarah perubatan di hospital-hospital Kerajaan seluruh negara. Seterusnya apakah pelan Kerajaan hari ini dalam melaksanakan sistem digital ini keseluruhan hospital dan klinik kesihatan dan tidak tertumpu kepada beberapa buah hospital sahaja.

13. PR-1432-L09298
Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [Jempol] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan strategi serta langkah jangka masa panjang untuk memastikan harga komoditi sawit dan getah sentiasa berada di paras yang dapat menjamin pendapatan para pekebun kecil.

14. PR-1432-L09281
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan bidang industri yang dikira sebagai mempunyai nilai, teknologi dan impak yang tinggi, dan juga bidang industri yang dikategorikan sebagai berteknologi rendah, intensif buruh dan bernilai rendah yang tidak digalakkan oleh Kerajaan.
15. PR-1432-L09374
Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status terkini cadangan pembinaan klinik kesihatan di tapak tanah hak milik Kementerian Kesihatan di Sepupok Niah dan adakah Kementerian akan menyenaraikan bina semula Klinik Kesihatan Bekenu yang terletak di pusat pentadbiran daerah Subis dalam rancangan Malaysia ke-12.
16. PR-1432-L09270
Tengku Zulpuri bin Raja Puji [Raub] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan projek-projek infrastruktur Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11) dan tahap kemajuan di Pantai Timur Semenanjung Malaysia.
17. PR-1432-L08788
Tuan Karupaiya A/L Mutusami [Padang Serai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan memberi perhatian terhadap isu di mana segelintir masyarakat Malaysia tidak mengguna atau mempamerkan Jalur Gemilang dan lambang-lambang rasmi yang lain dengan betul. Apakah usaha Kementerian dalam mengatasi isu tersebut.
18. PR-1432-L09504
Dr. Ong Kian Ming [Bangi] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan tentang kemungkinan perjanjian *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) akan ditandatangani oleh semua negara perunding dan apakah pendirian Kerajaan ini mengenai *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans Pacific Partnership* (CPTPP).
19. PR-1432-L09143
Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) berapa jumlah kos yang ditanggung Kementerian bagi membendung penularan dan merawat pesakit wabak COVID-19; dan
 - (b) perancangan Malaysia bagi membangunkan sistem tersendiri seperti Amaran Kedudukan Sistem Tindak Balas Perebakan Penyakit (DORSCON) seperti Singapura.

20. PR-1432-L08734
Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah usaha dan tuntutan Kerajaan dalam mempertahankan pendudukan Malaysia di Laut China Selatan dari segi pertahanan, diplomatik dan undang-undang laut antarabangsa.
21. PR-1432-L09159
Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan protokol rawatan bagi pesakit COVID-19 yang di tahap serius dan tenat yang diikuti oleh Kementerian Kesihatan. Berapa peratus kejayaan bagi protokol itu dan berapa anggaran kos bagi seorang pesakit.
22. PR-1432-L09207
Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kesediaan dan pelan Kementerian untuk mengendali kenaikan kes dan juga kematian (*mortality*) disebabkan penyakit bukan COVID-19, terutamanya mereka yang terlepas rawatan atau 'check up' disebabkan COVID-19. Berapakah jangkaan pertambahan kadar kematian disebabkan kes bukan COVID-19 dan apakah pelan Kementerian terhadap isu ini.
23. PR-1432-L09296
Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) bilangan sarung tangan, *gown*, *face shield*, *goggles*, pelitup mulut (*face mask*) dan peralatan PPE lain yang dibeli Kementerian untuk menangani wabak COVID-19 (dinyatakan secara berasingan); dan
 - (b) berapa jumlah yang telah dibelanjakan untuk setiap peralatan tersebut (dinyatakan secara berasingan).
24. PR-1432-L08736
Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan kapasiti dan keupayaan Pangkalan Tentera Udara Malaysia di Butterworth, Pulau Pinang pada masa kini dan adakah pihak Kementerian akan meluaskan kapasiti dan keupayaan pangkalan tersebut untuk melindungi ruang udara Malaysia.

25. PR-1432-L08951
Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah laporan rasuah yang diterima terhadap ahli politik dan pegawai Kerajaan di antara tahun 2018 hingga kini, berapa jumlah siasatan yang telah dibuka dan jumlah yang telah disabitkan di Mahkamah.
26. PR-1432-L09773
Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan syarat-syarat utama pembelian saham PT Eagle High oleh FELDA yang bernilai US\$505 juta. Apakah kedudukan tindakan FELDA untuk menuntut kembali pelaburan US\$505 juta ke atas PT Eagle High melalui '*put option*' yang dimaktubkan dalam perjanjian.
27. PR-1432-L09263
Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan agar kesemua 17 perkara daripada 21 perkara yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Kajian Semula Perlaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 atau MA63 dapat dilaksanakan sepenuhnya dan supaya kesemua perakuan MA63 ditunaikan.
28. PR-1432-L09460
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah yang dibayar oleh Petronas kepada setiap negeri sama ada secara langsung atau tidak langsung menerusi Kerajaan Persekutuan sejak 2008 dan berikan pecahan mengikut tahun. Adakah peletakan jawatan Presiden/CEO Petronas ada kaitan dengan bayaran ini.
29. PR-1432-L08780
Tuan Karupaiya A/L Mutusami [Padang Serai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan isu 'lompat parti' di mana amarah rakyat telah tercetus sehingga Yang Berhormat digelar 'katak'. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen yang berlandaskan perlembagaan dan kedaulatan undang-undang, rakyat yang mengundi berhak sepenuhnya dalam membentuk dan memilih Kerajaan. Apakah tindakan Kerajaan kini dalam menghindari isu ini.
30. PR-1432-L09944
Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagi Kabinet yang diumumkan pada 9 Mac 2020, terdapat 70 orang keseluruhannya yang merangkumi seorang Perdana Menteri, 31 Menteri dan 38 Timbalan Menteri, Apakah penambahan kos emolumen, elaun dan lain-lain untuk kabinet PN berbanding dengan kabinet PH sebelum ini.

31. PR-1432-L09092
Puan Noorita binti Sual [Tenom] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menggubal undang-undang Anti Lompat Parti bagi mengekang perbuatan lompat parti oleh ahli-ahli yang berhormat yang telah dipilih rakyat dalam pilihan raya.
32. PR-1432-L09434
Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah tindakan lanjut yang diambil berkenaan kesalahan yang telah dilakukan oleh anggota pentadbiran berkenaan Ops Yaman 2 yang tidak dibincangkan di Kabinet mahupun di Parlimen.
33. PR-1432-L09967
Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan ada perancangan mewujudkan unit udaranya sendiri/ambulans udara seperti mana negara maju lain memandangkan bebanan penggunaan helikopter oleh lain-lain agensi telah mencapai tahap maksimum terutamanya di kawasan pedalaman.
34. PR-1432-L09242
Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana Kerajaan bersetuju untuk menggantikan sistem Pemenang Undi Terbanyak (*First-Past-The-Post*) FPTP dengan sistem Perwakilan Berkadar (PR) yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Khas Pembaikan Sistem dan Undang-Undang Pilihan Raya (ERC) atau sistem Perwakilan Bercampuran yang dicadangkan oleh Bersih 2.0.
35. PR-1432-L09253
Tuan Chang Lih Kang [Tanjung Malim] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rasional untuk mewujudkan Menteri Tugas-tugas Khas di bawah Jabatan Perdana Menteri. Apakah tanggungjawab yang pernah ditugaskan kepada Kementerian ini.
36. PR-1432-L08920
Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendirian Kerajaan baru tentang Statut Rom dan Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD).

37. PR-1432-L09827
Tuan R. Sivarasa [Sungai Buloh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan pendaftaran pengundi secara automatik dan penguatkuasaan usia kelayakan mengundi 18 tahun. Apakah kekangan yang dihadapi oleh Kerajaan bagi mempercepatkan pelaksanaan kedua-dua perkara itu.
38. PR-1432-L09406
Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan memberikan pecahan perbelanjaan RM500 juta yang diperuntukkan kepada Kementerian bagi melawan COVID-19. Mengapa berlaku kekurangan PPE seperti yang dimaklumkan oleh KP Kesihatan pada 13 April 2020.
39. PR-1432-L09583
Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status pengubalan Rang Undang-Undang Perkhidmatan Parlimen (*Parliament Services Bill*) sebagai sebahagian daripada usaha pembaharuan Parlimen dalam sistem demokrasi negara ini.
40. PR-1432-L09264
Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil untuk memastikan agar keselamatan rakyat Malaysia di Sabah terjamin daripada ancaman-ancaman luar dan apakah cadangan supaya Kem Tentera Lok Kawi dipindahkan ke Pantai Timur akan dilaksanakan.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Usul dibuat oleh Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] dan masalah dicadangkan:-**

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Yang Keempat Belas. "

Menyambung semula perbahasan atas masalah (27 Julai ,2020)

2. (D.R. 1/2020) Rang Undang-Undang Perbekalan **Bacaan Kali**
 Tambahan (2019) 2020 **Yang Kedua**

[Menteri Kewangan]

DAN

Menteri Kewangan akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak empat bilion sembilan ratus tujuh puluh juta empat ratus sembilan puluh tujuh ribu tujuh ratus ringgit (RM4,970,497,700) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2019 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2019 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 2020 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut."

3. (D.R 2/2020) Rang Undang-Undang Perbekalan **Bacaan Kali**
(Penguntukan Semula Peruntukan **Yang Kedua**
Perbelanjaan) 2020

[Menteri Kewangan]

DAN

Menteri Kewangan akan mencadangkan :-

"BAHAWASANYA, berikutan pembentukan Kabinet baharu pada 10 Mac 2020, beberapa kementerian telah disusun semula dan dinamakan semula, beberapa kementerian baharu telah ditubuhkan dan satu kementerian telah dibubarkan dengan fungsi-fungsinya dipindahkan kepada kementerian-kementerian lain:

DAN BAHAWASANYA Perbelanjaan Pembangunan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu serta kementerian yang dibubarkan telah diluluskan oleh Dewan ini dan diperuntukkan bagi maksud-maksud seperti yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2020:

DAN BAHAWASANYA terdapat keperluan untuk menyelaraskan peruntukan perbelanjaan berkenaan dengan beberapa kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu berikutan dengan penyusunan semula fungsi-fungsi kementerian:

DAN BAHAWASANYA amaan yang belum dibelanjakan berhubung dengan kementerian yang telah dibubarkan dan kementerian-kementerian yang peruntukan perbelanjaannya perlu dikurangkan akan disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 8, Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406]:

DAN BAHAWASANYA menurut subseksyen 4(1), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], penguntukan semula peruntukan perbelanjaan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang telah disusun semula dan dinamakan semula, dan kementerian-kementerian baharu itu hanya boleh dilakukan melalui suatu Usul yang diluluskan oleh Dewan ini:

BAHAWA DEWAN INI, mengikut subseksyen 4(3), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang sebanyak tujuh bilion lapan ratus enam puluh tujuh juta dua puluh satu ribu enam ratus sepuluh ringgit (RM7,867,021,610) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2020 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2020 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 2020 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang ketujuh dan kelapan Penyata tersebut dan Usul ini disifatkan telah berkuat kuasa pada 10 Mac 2020."

4. (DR.3/2020) Rang Undang-Undang Pengangkutan **Bacaan Kali Yang Kedua**
Jalan (Pindaan) 2020
[Menteri Pengangkutan]
5. (D.R 37/2019) Rang Undang-Undang Racun (Pindaan) 2019
[Menteri Kesihatan]
6. (D.R 42/2019) Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 2019
[Perdana Menteri]
7. (D.R. 25/2019) Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019
[Perdana Menteri]

8. PR-1432-UL064
Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] akan mencadangkan :-

"BAHAWA mengikut Peraturan Mesyuarat 86(5), maka Penyata Jawatankuasa Pilihan yang dibentangkan di atas meja Mesyuarat di dalam Dewan ini sebagai Kertas DR.10 Tahun 2019 hendaklah diterima dan dipersetujukan."

9. PR-1432-U(27)116
Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa usul kewarganegaraan. Menyedari hakikat bahawa terdapat pelbagai pengakuan melalui sesi-sesi pendengaran awam oleh pelbagai Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen tentang penglibatan mereka dalam pemberian kad-kad pengenalan secara haram di Sabah dan menerima laporan pelbagai kajian di Sabah yang mendapati pengakuan responden pernah membayar pegawai-pegawai Jabatan Pendaftaran sebagai sogokan untuk mengeluarkan kad-kad pengenalan secara haram dan menerima hakikat bahawa terdapat kadar pertumbuhan yang sangat luar biasa di negeri Sabah yang dengan sendirinya membuktikan bahawa adanya pemberian kad-kad pengenalan secara haram dan rasuah. Dan menerima hakikat bahawa Ketua Audit Negara Tahun 2018 telah melaporkan bahawa terdapat 100,000 pelancong daripada negara China dan India yang datang ke negara ini tetapi didapati tidak ada rekod balik ke negara asal. Dan demi untuk membersihkan daftar penduduk warganegara Malaysia di Sabah maka Dewan Yang Mulia ini dengan ini membuat keputusan bahawasanya kad-kad pengenalan yang ada sekarang hendaklah ditukar dengan kad pengenalan yang baru di mana setiap penduduk yang mempunyai kad pengenalan hendaklah memohon untuk mendapatkan kad pengenalan yang baru ini dengan menggunakan dokumen-dokumen seperti surat atau sijil beranak yang sah."

[Perdana Menteri]

10. PR-1432-U(27)114
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Bahawa mencadangkan Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 63 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan Impian Negaraku Malaysia Baharu selepas PRU 14."

[Menteri Perpaduan Negara]

11. PR-1432-U(27)115
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Bahawa mencadangkan Kerajaan memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urus tadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

12. PR-1432-U(27)119
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan dari mana diperoleh peruntukan mengurus dan merangsang ekonomi semasa pandemik COVID-19 hingga sekarang yang berjumlah lebih dari RM250 bilion itu. Ini adalah kerana peruntukan ini melebihi kemampuan kewangan negara yang dianggarkan sekitar RM200 bilion sahaja. Kerajaan Pakatan Harapan dahulu pula menyatakan bahawa kedudukan kewangan Kerajaan adalah kritikal dengan hutang negara melebihi RM1 trilion."

[Menteri Kewangan]

13. PR-1432-U(27)120
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya merancang pembinaan jeti Kuala Perlis yang baru kerana pada masa ini jeti tersebut mengalami mendapan yang tinggi (6 meter setahun) dan telah mengganggu kelancaran perjalanan feri-feri penumpang, kapal-kapal kargo dan bot-bot ikan yang mana telah menjejaskan ekonomi negara. Pembinaan jeti ini dicadang dibina 3km dari muara Kuala Perlis yang juga boleh berfungsi sebagai halangan kepada kemasukan penyeludup-penyeludup dan pendatang asing tanpa izin. Jeti ini juga boleh berfungsi sebagai sempadan di lautan."

[Menteri Pengangkutan]

14. PR-1432-U(27)121

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membuka semula 'Free Flow 2KM ' di sempadan Wang Kelian Perlis bagi menjana perkembangan ekonomi yang sebelum ini amat rancak sebelum ditutup sepenuhnya pada tahun 2008. Semasa adanya "Free Flow" ini, Wang Kelian merupakan satu destinasi pelancongan yang amat meriah dan telah memberi ruang kepada peniaga-peniaga kecil di Perlis dan juga Selatan Thailand."

[Menteri Dalam Negeri]

15. PR-1432-U(27)122

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan terhadap kedudukan pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia dan telah luput tarikh visa lawatan mereka, berapa jumlah mereka yang telah tamat tempah visa lawatan, apakah usaha-usaha untuk menjejaki mereka dan berapa jumlah mereka yang telah dihantar pulang ke negara masing-masing serta berapa pula yang masih berada dalam negara."

[Menteri Dalam Negeri]

16. PR-1432-U(27)123

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan terhadap Kapal *Coast Guard* China yang berlabuh di Beting Patinggi Ali sejak tahun 2013 lagi di mana kawasan tersebut merupakan kawasan perairan Malaysia yang memberi implikasi bahawa satu pencerobohan telah berlaku keatas kedaulatan negara di samping menjejaskan aktiviti-aktiviti cari gali minyak dan juga perikanan rakyat kita. Ia juga memberi implikasi sebuah negara besar sedang membuli negara kita."

[Perdana Menteri]

17. PR-1432-U(27)124

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya Akta Pengangkutan Jalan (APJ 1987) dipinda bagi membolehkan pesalah-pesalah pemandu mabuk yang memandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah dan menyebabkan kematian agar dimasukkan klausa memberi hukuman setimpal seperti hukuman mati jika telah menyebabkan kematian."

[Menteri Pengangkutan]

18. PR-1432-U(27)126

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya satu peraturan baru diperkenalkan bagi menangani dan mengawal aktiviti pembalakan di negeri-negeri Kedah, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Pembalakan yang tanpa kawalan telah menyebabkan bencana alam yang sering terjadi saban tahun seperti hakisan tanah, banjir dan ketidakseimbangan kepada ekosistem negara."

[Menteri Tenaga Dan Sumber Asli]

19. PR-1432-U(27)127

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya diwujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khususnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan mencukupi serta membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru."

[Menteri Pertanian Dan Industri Makanan]

20. PR-1432-U(27)128

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasarana kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi membolehkan dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan e-pembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

[Menteri Pendidikan]

21. PR-1432-U(27)125

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengisytiharkan kadar pengangguran semasa yang dijangka akan mencecah sehingga 5% dari jumlah tenaga kerja dan apakah perancangan-perancangan khusus Kerajaan bagi menangani kadar pengangguran yang agak tinggi ini. Dengan kadar pengangguran yang tinggi ini ditambah pula dengan jumlah golongan B40 yang juga tinggi boleh memberikan implikasi yang tidak sihat pada ekonomi negara."

[Perdana Menteri]

22. PR-1432-U(27)117

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa agar Kerajaan meneliti serta mengkaji suatu kaedah baru untuk meningkatkan keselamatan kad pengenalan serta pasport antarabangsa agar ianya tidak mudah untuk sedikit melakukan pemalsuan dokumen tersebut. Menurut laporan yang dikeluarkan Ketua Audit Negara 2018 (Siri 2) bulan Disember 2019 terdapat lebih 100 ribu orang warga asing tiada rekod keluar dari Malaysia dan masih berada dalam negara. daripada laporan audit tersebut terdapat seramai 76,258 orang pelancong China dan 39,806 orang pelancong India tiada rekod keluar dari Malaysia dan masih berada dalam Malaysia. Dengan kebanjiran warga asing tanpa kawalan dan penjualan dokumen MyKad serta Sijil Kelahiran, membuatkan keselamatan negara berada dalam keadaan yang amat merbahaya."

[Menteri Dalam Negeri]

23. PR-1432-U(27)118

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa agar Kerajaan menghantar pulang semua pendatang asing tanpa izin (PATI) dan pekerja asing berdokumen yang telah tamat tempoh ke negara masing-masing bagi menjamin peluang pekerjaan yang melibatkan rakyat tempatan. Sebelum ini Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) telah mengeluarkan kenyataan bahawa majikan-majikan di negara ini bakal mengurangkan tenaga pekerja sebanyak 50 peratus, justeru keutamaan bagi mengekalkan tenaga kerja perlu tertumpu ke arah pekerja tempatan. Berdasarkan Akta Pekerja 1955, jika berlaku sebarang pengurangan tenaga pekerja oleh pihak majikan, perkhidmatan pekerja asing yang harus ditamatkan terlebih dahulu dan majikan harus mendahului keperluan pengekalan tenaga kerja tempatan. Bagi mengisi kekosongan pekerjaan yang ditinggalkan pekerja asing, Kerajaan perlu mendaftarkan semula tenaga kerja tempatan untuk mengisi kekosongan tersebut dengan pekerja-pekerja tempatan yang telah diberhentikan kerja oleh majikan-majikan dari negara luar seperti Singapura semasa tempoh COVID-19. Langkah Kerajaan menghantar pulang PATI dan pekerja asing ke negara masing-masing adalah tepat kerana tindakan itu bukan sahaja dapat menjamin peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan, bahkan dapat mengawal penularan wabak COVID-19 daripada tidak terkawal."

[Menteri Sumber Manusia]

24. PR-1432-U(27)129
Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Langkawi untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh tidak mempunyai keyakinan majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."
[Perdana Menteri]
25. PR-1432-U(27)132
Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Pasir Puteh untuk mencadangkan ucapan setinggi-tinggi tahniah atas perlantikan Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Muhammad Yassin, Ahli Parlimen Pagoh, sebagai Perdana Menteri Malaysia Yang Ke-8 dan menyatakan kepercayaan penuh terhadap kepimpinan beliau dan berikrar akan memberikan kerjasama dan sokongan sepenuhnya kepada beliau bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya."
[Perdana Menteri]
26. PR-1432-U(27)131
Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] akan mencadangkan :-
"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut :
Bahawasanya Dewan ini, mengalu-alukan dan menyanjung tinggi serta mengucapkan tahniah atas pelantikan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8;
Bahawasanya pelantikan ini akan menyerlah lagi kepimpinan dan menonjolkan keupayaan YAB Parlimen Pagoh sebagai pemimpin negara dengan ciri dan gaya kepimpinan yang dihormati, penyayang serta perihatin terhadap rakyat;
Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menunjukkan kemampuan kepimpinan yang gemilang dalam menangani pandemik COVID-19 yang melanda negara ini serta memberikan komitmen yang tinggi terhadap kebajikan rakyat negara ini dengan melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN);

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah mencetuskan idea dan menggerakkan pemulihan ekonomi negara yang terkesan akibat pandemik COVIC-19 melalui inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA);

Dengan ini, semua Ahli Dewan Rakyat mengambil ketetapan dan berikrar serta berjanji memberi komitmen, kesetiaan yang tidak berbelah-bagi dan kepercayaan penuh terhadap YAB Ahli Parlimen Pagoh selaku Perdana Menteri Malaysia; dan

Dengan ini, bahawasanya Dewan ini berdiri teguh serta menyokong sepenuhnya pelantikan dan kepimpinan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8."

[Perdana Menteri]

27. PR-1432-U(27)130

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut :

Bahawasanya Dewan ini mengalu-alukan pelantikan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8 dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah;

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menunjukkan kemampuan kepimpinan yang amat cemerlang dalam menangani pandemik COVID-19 yang melanda negara ini serta memberikan komitmen yang tinggi terhadap kebajikan rakyat dengan melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN);

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menggerakkan pemulihan ekonomi negara yang terkesan akibat pandemik COVID-19 dan mengambil tindakan yang tepat melalui inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA);

Bahawasanya pelantikan ini akan menyerlahkan lagi kepimpinan YAB Parlimen Pagoh sebagai pemimpin negara dengan ciri dan gaya kepemimpinan yang penyayang, prihatin dan dihormati rakyat;

Dengan ini, semua Ahli Dewan Rakyat mengambil ketetapan dan berikrar serta memberikan kesetiaan yang tidak berbelah-bagi dan kepercayaan sepenuhnya terhadap kepimpinan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri."

[Perdana Menteri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2019</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 166	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Bintulu Dan Lembaga Pelabuhan Labuan Bagi Tahun 2018	28 Julai 2020

<u>TAHUN 2020</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 16	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia Bagi Tahun 2018	28 Julai 2020
ST. 42	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia Bagi Tahun 2018	28 Julai 2020
ST. 44	Laporan Tahunan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman Bagi Tahun 2019	28 Julai 2020
ST. 63	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Universiti Teknologi MARA Bagi Tahun 2018	28 Julai 2020
ST. 67	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Pusat Perubatan Universiti Malaya Bagi Tahun 2018	28 Julai 2020
ST. 69	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Yayasan Guru Tun Hussein Onn Bagi Tahun 2018	28 Julai 2020

****UCAPAN-UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 28.07.2020 (Selasa)	1. YB Tuan Chan Ming Kai (Alor Setar)	1. Isu Kebajikan Pekerja Pembersihan di Hospital	1. YB Menteri Kesihatan
2. 28.07.2020 (Selasa)	2. YB Tuan Chan Foong Hin (Kota Kinabalu)	2. Status Berkenaan Laporan Terakhir MA63 Task Force Tahun 2019	2. YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**